


**SYARAT-SYARAT PERMOHONAN PREMIS E-HAILING OPERATOR (eHO)
SEBAGAI PUSAT LATIHAN MEMANDU**



**KEPERLUAN INFRASTRUKTUR DI PUSAT LATIHAN MEMANDU (IM & eHO)
BAGI MELAKSANAKAN LATIHAN MEMANDU LESEN VOKASIONAL PSV
(TEKSI/E-HAILING)**

BIL	INFRASTRUKTUR	SPESIFIKASI
1	BILIK KULIAH	SPESIFIKASI Min – 20 x 30 kaki <i>(meja dan kerusi yang memuatkan 50 calon)</i>
2	KOMPUTER	SPESIFIKASI <ul style="list-style-type: none"> OS Windows 7.32bit/64bit RAM 2GB dan ke atas PERISIAN SOKONGAN <ul style="list-style-type: none"> Java (Java Runtime Environment dan Java Development Kit) v6 Update 31 Adobe Flash Player Version 11 dan keatas Adobe reader version 10/11 Browser: Internet Explorer Version 9/11 ATAU Mozilla Firefox Version 13.0.1
3	PENCETAK	LASER PRINTER <i>(mencetak slip pendaftaran dan slip kursus mySIKAP)</i>
4	BIOMETRIK MYKAD READER	Model Smartec CID308 (INTEGRITY)

PERMOHONAN PERLU DIKEMUKAKAN KE ALAMAT:

PENGARAH

**Bahagian Pelesenan Pemandu
Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia
Aras 4, No 26, Jalan Tun Hussein, Presint 4,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100, Wilayah Persekutuan
PUTRAJAYA**

No. Fax: 03-88811097

Alamat Email: hq.lesen@pj.gov.my

SYARAT-SYARAT PEMBUKAAN E-HAILING OPERATOR (eHO) SEBAGAI PUSAT LATIHAN

NAMA SYARIKAT (NAMA eHO) :

KAWASAN OPERASI (DAERAH) YANG DIPOHON :

- i) Kertas cadangan penubuhan institut memandu baru dengan justifikasi yang mengandungi:
- a) Borang SM 1A (Borang Permohonan Permit Sekolah / Institut Memandu – boleh didapati di JPJ Negeri);
 - b) alamat surat-menurat dan nombor telefon untuk dihubungi;
 - c) cadangan lokasi premis tersebut dan koordinat tapak berkenaan;
 - d) daerah yang dipohon untuk beroperasi; dan
 - e) tujuan / sebab-sebab mengemukakan permohonan.
- ii) Pemohon hendaklah terdiri daripada Syarikat Sendirian Berhad atau Berhad yang dimiliki oleh warganegara Malaysia dan telah diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965, dengan modal berbayar sekurang-kurangnya RM10,000.00 yang dibuktikan melalui Borang 24, Akta Syarikat 1965.
- iii) Memiliki modal pusingan sekurang-kurangnya RM50,000.00 yang dibuktikan menerusi penyata simpanan tetap/ semasa bank akaun syarikat/ pemegang saham syarikat (minimum tiga (3) bulan yang terkini).
- iv) Memiliki premis dengan pajakan/ sewaan atau dibeli dengan disertakan bersama salinan dokumen perjanjian, persetujuan atau kebenaran daripada pemilik tanah yang telah disahkan (dimatikan setem), atau geran tanah yang telah disahkan.
- v) Premis yang diduduki telah mendapat kelulusan Pentadbir Tanah Daerah/ Pihak Berkua Tempatan/ Pihak-pihak Berkua yang berkaitan serta lesen beroperasi yang berkaitan.
- vi) Dokumen-dokumen Pendaftaran / Pemerbadanan Syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 yang dibuktikan melalui:
- a) Borang 9 (Perakuan Pemerbadanan Syarikat) atau Borang 13 (Perakuan Pemerbadanan Pertukaran Nama Syarikat);
 - b) Borang 24 (Pembahagian Syer);
 - c) Borang 44 (Pendaftaran Alamat Perniagaan); dan
 - d) Borang 49 (Senarai Nama Pengarah).
- vii) *Memorandum of Association* (MOA) yang menyatakan aktiviti berkaitan dengan latihan atau perniagaan yang berkaitan dengan permohonan yang diajukan pemohon.
- viii) Kemudahan yang wajib disediakan di premis:
- a) Pejabat Pendaftaran (PC– mengikut spesifikasi JPJ, printer, internet, biometric reader) dengan kerusi menunggu;
 - b) Bilik kuliah (minimum 20 x 30 kaki) – boleh memuatkan sekurang-kurangnya 50 kerusi dan meja untuk tujuan kelas dan ceramah;
 - c) Bilik penguji JPJ (dilengkapi dengan kerusi dan meja);
 - d) LCD projektor, sistem audio, papan putih, penghawa dingin, kerusi dan meja;
 - e) Tandas; dan
 - f) Surau/ musolla.